

06 NOV 1996

Mahathir-Perniagaan

HUBUNGAN MALAYSIA-GUINEA LEBIH DARIPADA PERNIAGAAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Rachman Nordin

CONAKRY (Guinea), 6 Nov (Bernama) -- Malaysia menjangkakan hubungannya dengan Guinea, bekas jajahan Perancis di Afrika Barat, bukan sekadar dalam bidang perniagaan malahan memenuhi keperluan pembangunan negara itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Komitmen ini dibuktikan dengan usaha kita untuk saling melengkapi program-program kerajaan Guinea bagi memenuhi keperluan asas rakyat negara ini," katanya ketika berucap pada seminar perniagaan Malaysia-Guinea di sini.

Malaysia telah mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan Guinea ke arah menghasilkan makanan secukupnya menerusi pembangunan penanaman, perkilangan dan pengedaran padi.

"Kita bersedia untuk bekerjasama dalam bidang lain yang kita ada kepakaran bagi membantu kerajaan negara ini mencapai objektif sosio-ekonominya," kata Dr Mahathir.

Seminar itu ialah sebahagian daripada aturcara hari kedua lawatan beliau ke sini. Seramai 85 anggota rombongan perniagaan diketuai pengerusi kumpulan Arab Malaysian, Tan Sri Azman Hashim, mengiringi Perdana Menteri dalam lawatan empat hari itu.

Rombongan pegawai Perdana Menteri termasuk Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid dan Ketua Menteri Sabah Datuk Yong Teck Lee.

Dr Mahathir menyebut pertanian sebagai satu daripada bidang yang mempunyai potensi besar untuk dibangunkan di Guinea dan mencadangkan syarikat-syarikat Malaysia yang mempunyai kepakaran pengurusan perladangan supaya menimbang untuk memindahkan kepakaran mereka ke Guinea.

"Syarikat-syarikat Malaysia boleh mewujudkan ladang-ladang baru di Guinea. Secara alternatif, aktiviti hiliran berdasarkan pemprosesan kopi dan koko, antara lain, boleh dijalankan bersama," katanya.

Hampir 20 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar Guinea ialah pertanian dan 80 peratus daripada tenaga buruh bekerja di sektor itu.

Perdana Menteri juga menyenaraikan perlombongan sebagai satu lagi bidang yang wajar diceburi Malaysia terutama dalam aktiviti hiliran memproses galian, yang menurutnya, dapat dilaksanakan kerana Guinea mempunyai potensi besar bagi penjana hidrogen elektrik yang harganya berdaya saing.

Guinea kaya dengan bauksit dan kawasan simpanan galian yang luas manakala industri perlombongannya menyumbang 85 peratus daripada hasil eksport negara.

Sesetengah syarikat Malaysia sudahpun mengadakan perbincangan mengenai pelaburan dalam beberapa usaha sama perlombongan.

"Pembangunan industri perlombongan harus membuka jalan ke arah perindustrian yang lebih luas di Guinea," katanya.

Dr Mahathir yakin sektor swasta Malaysia dan Guinea boleh saling melengkapi dalam bidang pelancongan, perumahan dan bekalan tenaga selain dalam pembangunan infrastruktur di Guinea.

Beliau menggesa sektor swasta Malaysia supaya memberi perhatian kepada bidang-bidang utama seperti perumahan dan pemulihan bekalan tenaga kerana ini akan menyumbang langsung kepada kualiti kehidupan di Guinea dan membawa kepada keluaran sampingan ekonomi lain.

Guinea, negara berbahasa Perancis yang mempunyai tujuh juta rakyat dengan 85 peratus daripadanya beragama Islam, mencatatkan jumlah

perdagangan global sebanyak AS\$1.4 bilion (RM3.5 bilion) tahun lepas.

Berdasarkan perangkaan global, Dr Mahathir menyifatkan tahap perdagangan Malaysia-Guinea kini sebagai rendah, walaupun pertumbuhannya beransur meningkat daripada AS\$3.7 juta (RM9.25 juta) pada 1994 kepada AS\$4.6 juta (RM11.5 juta) tahun lepas.

Guinea mengimport bahan pencuci, minyak sawit diproses dan barangan plastik dari Malaysia dan mengeksport bahan-bahan mentah ke Kuala Lumpur.

Dr Mahathir menyarankan supaya Guinea menjadikan Malaysia sebagai tapak untuk memasarkan produk pengguna dan input perindustrian serta menggalakkan ahli-ahli perniagaan Guinea supaya mengambil kesempatan daripada tarif rendah Malaysia untuk memperkukuhkan hubungan pelengkap perdagangan.

"Eksport utama Guinea iaitu bauksit, alumina, emas dan kopi mudah mendapat pasaran di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di sini semalam selepas penerbangan selama enam jam dari Harare, setelah menghadiri sidang kemuncak G-15 di ibu negara Zimbabwe itu.

Ketibaan mereka disambut oleh Presiden Lansana Conte dalam satu majlis penuh istiadat di lapangan terbang. Beliau juga memeriksa barisan kehormat manakala lagu kebangsaan kedua-dua negara turut diperdengarkan.

Conte melawat Malaysia pada September tahun lepas. -- BERNAMA

RN NAK MAI